

Projek Bakun diteruskan: PM

KUALA LUMPUR, Isnin - Kerajaan komited membangunkan Projek Hidro Elektrik Bakun di Sarawak walaupun ditentang oleh segelintir pejuang alam sekitar yang tidak mendapat maklumat sebenar projek itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, kawasan yang terabit dalam projek itu secara relatifnya adalah kecil dan langkah pengawasan sewajarnya akan diambil bagi melindunginya.

Beliau berkata, hidro elektrik adalah salah satu sumber terpenting tenaga yang bebas daripada pencemaran gas karbon dioksida.

"Berdasarkan kepada semua pertimbangan, pembangunan tenaga hidro adalah kurang merosakkan alam sekitar berbanding pembakaran berterusan bahan api fosil," katanya pada perasmian Persidangan Antarabangsa ke-2 Afro-Asia Mengenai Pem-

angunan Tenaga di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini hari ini.

Seminar itu dihadiri oleh kira-kira 420 peserta dari 25 negara akan berlangsung selama empat hari.

Hadir sama Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Seri S Samy Vellu dan Pengerusi Eksekutif Tenaga Nasional Berhad (TNB), Tan Sri Ani Arope.

Persidangan itu dianjurkan bersama oleh TNB dan Pertubuhan Antarabangsa Mengenai Jana Kuasa Elektrik, Penyaluran dan Pembekalan (Kawasan Afro-Asia), berpangkalan di New Delhi, India.

Projek Bakun di bahagian Kapit itu dianggarkan bernilai RM15 bilion dan dikatakan mampu membekalkan keupayaan 16,000 megawatt tenaga elektrik menjelang tahun 2005.

Sebelum ini, Ketua Menteri

Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud pernah menegur pemimpin DAP dan segelintir kumpulan di Sibu kerana perbuatan mereka menyebarkan dakyah kononnya projek Bakun itu membawa kerugian terhadap penduduk setempat.

Taib yang kecewa dengan tuduhan itu mahu pihak terabit mengemukakan bukti dan fakta sebelum meleparkan tuduhan tidak berasas itu.

Dr Mahathir berkata, walaupun sumber minyak dan gas di negara ini tidak terhad, kerajaan akan menggunakannya untuk membangunkan kekayaan negara termasuk membangun potensi tenaga hidro di Sarawak, yang tidak mempunyai ramai penduduk serta kaya dengan sumber tenaga hidro.

Menurutnya, penggunaan

LIHAT MUKA 2

Projek Bakun diteruskan:PM

DARI MUKA 1

sumber hidro yang meluas akan membolehkan negara bertukar kepada sumber-sumber tenaga yang boleh diperbaharui.

Kesan positif jangka panjang projek hidro elektrik dalam mengurangkan pengeluaran gas rumah hijau sedunia mampu mengurangkan kesan terhadap ekologi, katanya.

Dr Mahathir berkata, matlamat negara ke arah menjadi sebuah negara maju dan perindustrian terus mendapat keutamaan dan berharap ia akan dapat dicapai dengan mengurangkan pelepasan gas karbon diok-

sida menerusi penggunaan bahan bakar asli.

Walaupun wujud kebimbangan pengusaha janakuasa tenaga persendirian akan menyebabkan pengabaian terhadap alam sekitar, Malaysia, tegas beliau mempunyai undang-undang bagi melindungi alam sekitar.

"Kesan Penilaian Alam Sekitar (EIA) adalah mandatori terhadap semua projek jana kuasa tenaga kerana ia untuk keperluan industri. Kerajaan komited melindungi alam sekitar dan mencapai pembangunan mampan.

"Malaysia adalah se-

buah negara yang terabit dalam menandatangani Rangka Kerja Antarabangsa Terhadap Perubahan Iklim," katanya.

Dr Mahathir berkata, dalam bidang industri tenaga, kerajaan bermula dengan memperbadankan Lembaga Letrik Negara (LLN) kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan memberi agihan besar terhadap pekerja dan orang ramai menerusi penyenaian di bursa saham.

"Bagi mempercepatkan jana kuasa tenaga, kerajaan membenarkan pelabur tain menubuhkan pengeluaran tenaga persen-

dirian (IPP). Bagaimanapun penyaluran dan pembekalan masih kekal di tangan TNB," katanya.

Sehubungan itu, katanya, TNB sudah menandatangani lima perjanjian membeli tenaga.

"Lebih 4,000 megawatt keupayaan baru yang mewakili 30 peratus keperluan akan disediakan oleh IPP di Semenanjung Malaysia menjelang 1998. Sudah pasti akan wujud lebih keupayaan.

"Bergantunglah kepada IPP dan TNB untuk meningkatkan penggunaan tenaga bagi menggunakan lebih itu," katanya